

- Beritahu doktor anda jika anda menghidapi sebarang penyakit.
- Beritahu doktor anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusu badan kepada anak.
- Elakkan alkohol semasa ambil ubat ini.
- Ubat ini mungkin menyebabkan sesetengah orang mengantuk atau kurang berjaga daripada keadaan biasa. Pastikan anda tahu bagaimana badan anda bertindak terhadap ubat yang anda sedang ambil sebelum memandu, mengendalikan mesin, atau membuat apa-apa yang mungkin membahayakan jika anda mengantuk.

**Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?**

Simpan dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh dari haba dan elakkan dari cahaya.

Risalah  
Maklumat  
Untuk Pesakit



# Ubat Untuk Merawat Batuk 'Basah'

Medicine To Treat 'Wet' Coughs

Guaiphenesin • Diphenhydramine



## MENGENAI ubat anda

Guaiphenesin mencairkan lendir dalam laluan udara dan menjadikannya lebih senang untuk dibatuk keluar. Ini meluangkan saluran udara dan menyenangkan pernafasan. Contoh-contoh produk yang mengandungi guaiphenesin termasuk Robitussin dan Actifed Expectorant.

Diphenhydramine merupakan antihistamin yang mengeringkan kahak dan mengembangkan laluan udara pada paru-paru.

## BAGAIMANA cara saya mengambil ubat ini?

Anda patut mengambil ubat ini seperti yang diberikan oleh doktor anda. Sila minta nasihat ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara yang betul untuk mengambil ubat anda.

Minum berlebihan air semasa mengambil ubat ini kecuali jika doktor anda menghadkan pengambilan air anda.

Jika simptom-simptom anda tidak bertambah baik dalam tempoh 7 hari atau jika anda ada demam tinggi, ruam atau sakit kepala yang berlarutan, sila minta nasihat doktor.

## Apa yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda lupa satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil itu dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu mengambil ubat. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

## Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan-kesan sampingan adalah jarang, ini masih boleh berlaku. Beritahu doktor anda jika salah satu daripada kesan sampingan ini menjadi teruk dan berlarutan.

Ubat	Kesan-kesan Sampingan
Guaiphenesin	Sakit kepala Sakit perut Mual atau Muntah Cirit-birit
Diphenhydramine	Kekeringan mulut, hidung dan kerongkong Mengantuk Sakit perut Sakit kepala Kabur penglihatan

## Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat,

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada alergi kepada sebarang ubat.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda apa ubat-ubatan yang anda sedang ambil, termasuk produk-produk berkhasiat dan vitamin.